

24 OCT 2000

Mahathir-Islam

PELAKSANAAN PENUH UNDANG-UNDANG ISLAM TIDAK DAPAT DIJALANKAN -- PM

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Kerajaan Malaysia tidak menolak undang-undang Islam tetapi telah diakui bahawa dalam keadaan yang wujud pada masa ini, adalah tidak mungkin untuk melaksanakan kesemua undang-undang itu dengan sepenuhnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika merasmikan satu seminar antarabangsa mengenai "Undang-undang Islam Dalam Dunia Masa Kini" di sini hari ini, beliau berkata sebahagian besar daripada undang-undang Islam itu tidak dikanunkan dan ini mendedahkannya kepada banyak interpretasi, yang sesetengahnya pasti bercanggah dengan prinsip rukun-rukun Islam.

Katanya usaha telah dilakukan di negara ini untuk mengkanunkan undang-undang itu yang berkaitan dengan tingkah-laku dan aktiviti sosial tetapi ia tidak dapat dilakukan sepenuhnya kerana Malaysia adalah negara pelbagai kaum dan pelbagai agama.

"Bagaimanapun undang-undang negara tidak menolak prinsip undang-undang Islam dan prinsip keadilan Islam. Hukuman atau denda mungkin berbeza tetapi prinsipnya adalah sama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata umat Islam hari ini, termasuk orang Melayu, semakin kurang toleran dan tidak begitu mengambil berat terhadap pendapat pihak lain apabila mengamalkan ajaran Islam, termasuk dalam aspek interpretasi terhadap undang-undang Islam dan pelaksanaannya.

Beliau berkata nampaknya seseorang Islam hanya boleh dianggap Islam jika dia bersikap keras dalam melaksanakan undang-undang Islam.

"Malah dalam keadaan apabila Islam membolehkan kelonggaran pun, ia ditolak kerana mereka lebih suka kepada kekerasan. Kononnya lebih keras interpretasinya, lebih berimanlah seseorang Islam itu," katanya sinis.

Dr Mahathir berkata Islam hari ini kelihatan berbeza coraknya daripada agama keamanan dan toleransi yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

Islam sudah menjadi agama yang begitu kaku, tidak toleran dan kelihatan tidak adil kepada penganutnya dan kepada orang lain akibat sikap fanatik dan ortodoks sesetengah golongan yang mempunyai kepentingan tersendiri, katanya.

Memang tidak syak lagi bahawa Islam mempertahankan keadilan dan jika ini tidak kelihatan, maka ia bukanlah kerana Islam itu salah tetapi yang salah sudah pastilah mereka yang mengamalkannya agama itu dengan cara yang salah.

Dr Mahathir juga berkata persaingan antara kumpulan Islam dalam politik telah mendorong setiap kumpulan cuba mengatasi yang satu lagi daripada segi ketegasan interpretasi dan dalam keghairahan mereka untuk menunjukkan mereka lebih alim, mereka telah melakukan kesilapan rujukan dan interpretasi mereka.

Menyentuh soal hakim, beliau berkata hakim-hakim yang berlainan mungkin membuat keputusan dan hukuman dalam sesuatu kes menurut penilaian masing-masing, yang menyebabkan kes-kes yang serupa diberi penilaian dan hukuman yang berbeza.

Katanya perbezaan seumpama itu adalah tidak wajar atau tidak adil dan ini memberi kesan tidak baik terhadap persepsi keadilan dalam Islam.

"Ini bukan disebabkan keadilan mengikut Islam seperti yang dinyatakan dalam al-Quran atau Hadis itu tidak adil. Sebaliknya ia disebabkan semata-mata kerana faktor keadilan manusia dan kelemahan manusia yang mencemarkan undang-undang itu dan dengan itu keadilan kadang-kala dinafiikan," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat juga sesetengah umat Islam yang menganggap bahawa jika pelaksanaan undang-undang Islam mengakibatkan seseorang mangsa dan bukannya penjenayah dihukum, maka itu masih dikatakan adil.

Dr Mahathir menegaskan perlunya ditunjukkan bahawa undang-undang Islam dan pelaksanaannya adalah seadil mungkin, dan walaupun undang-undang seperti itu tidak mungkin seleras sepenuhnya dengan pemikiran moden yang liberal, ia boleh sesuai dengan konsep keadilan sejagat.

Keadilan dalam Islam, katanya, tidak banyak bezanya dengan keadilan Barat daripada segi menghukum penjenayah dan memberikan keadilan kepada mangsa.

Seminar dua hari itu, yang dianjurkan bersama oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, bertujuan mengkaji usaha untuk melaksanakan undang-undang Islam dalam dunia Islam masa kini.

Seminar itu disertai hakim, peguam, cendekiawan dan pengamal undang-undang Islam dari sembilan negara -- Mesir, Nigeria, Yaman, Iraq, Turki, Indonesia, Russia, Brunei dan Malaysia.

-- BERNAMA

MAM AHH RYN NMO